



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN HAJI CHEREMI BIN HAJI TARMAN  
PEMANGKU YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 6/2021**

**28 JUN 2021, ISNIN**

**09:00 PAGI SECARA DALAM TALIAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**

Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.6/2021 bagi bulan Jun** pada pagi yang berbahagia ini.

### **PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON 22, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 2022**

2. Sebentar tadi, telah selesainya Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan sebagai Ahli Majlis Zon 22. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat kembali menjalankan tanggungjawab di MPS kepada Tuan Ng Kok Chuan yang telah dilantik semula sebagai Ahli Majlis MPS. Semoga beliau dapat memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada MPS dan masyarakat perbandaran Selayang. Selamat bertugas juga saya ucapkan.
3. Untuk makluman, beliau juga akan menganggotai Jawatankuasa Kemasyarakatan, Jawatankuasa Pengindahan Bandar serta Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat berkuatkuasa Julai 2021.

## **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

4. Seterusnya ialah prestasi semasa kutipan cukai taksiran. Untuk makluman, sehingga 31 Mei 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2021 sebanyak RM50.65 juta (93.79%) daripada RM54 juta.
5. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM5.19 juta (63.64%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
6. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM 200.00 ke atas bermula 16 April 2021. Sebanyak 29,641 keping waran telah dikeluarkan dan 11,582 keping waran telah dihantar sehingga 31 Mei 2021.
7. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan pada setiap minggu.

8. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing
9. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
10. MPS juga mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan dan pengurangan caj dikenakan akan diberikan. Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh menghubungi kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
11. Untuk makluman juga, MPS telah mengeluarkan bil cukai taksiran penggal 2/2021 secara digital pada 25 Jun 2021. Semakan dan bayaran bil cukai boleh dilakukan di [www.mymps.gov.my](http://www.mymps.gov.my). Semua pihak diminta menyebarkan luaskan berkaitan bil cukai taksiran secara digital kepada orang awam.

## **KEJAYAAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF MPS (KUMPULAN THOIFAH 2.0) DALAM PERTANDINGAN PIALA INOVASI YB MENTERI KPKT ANJURAN MALA**

12. Saya juga ingin berkongsi satu berita gembira mengenai kejayaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif MPS (Kumpulan Thoifah 2.0) yang mendapat tempat ke-15 dalam Pertandingan Piala Inovasi YB Menteri KPKT anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA). Pengumuman keputusan tersebut telah disiarkan secara langsung melalui Facebook Live KPKT pada 12 Jun 2021 yang lalu.
13. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kumpulan Thoifah 2.0 yang telah memperolehi Piala Iringan, wang tunai sebanyak RM500.00 dan Geran KPKT berjumlah RM 25,000.00 menerusi projek Pusat Kitar Strata.

## **PEMAKLUMAN PROGRAM MESRA RAKYAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

14. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-Ahli Majlis MPS atas inisiatif mengadakan pelbagai program bantuan dan sumbangan bagi meringankan beban masyarakat yang terkesan ketika menghadapi pandemik Covid-19 ini.

15. Untuk makluman, sehingga hari ini, MPS telah melaksanakan 43 Program Mesra Rakyat melalui 24 orang Ahli Majlis MPS di setiap zon kawasan masing-masing dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM320,000 kepada 6,000 keluarga. Antara program yang telah dilaksanakan ialah seperti Program Serahan Kit Keselamatan Covid-19, Program Foodbank, Bantuan Barang Basah, Program Sumbangan Barangan Asas, Edaran Pelitup Muka dan Alat pengimbas Suhu, Program Bantuan Penjaja, Kami Peka Kami Prihatin, Program Disinfeksi dan lain-lain program lagi.
  
16. Saya berharap dengan segala jenis bantuan yang telah disalurkan melalui Ahli-Ahli Majlis ini dapat meringankan beban dan digunakan sebaiknya oleh masyarakat di pentadbiran Perbandaran Selayang.

### **SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) BAGI TAHUN 2021**

17. Memandangkan kita sudah memasuki separuh tahun 2021, ingin saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan untuk memberi perhatian berkenaan pencapaian sasaran kerja tahunan (SKT) bagi tahun 2021. Saya berharap semua pengarah jabatan dapat mengingatkan kakitangan jabatan masing-masing untuk menggunakan masa berbaki ini sebaiknya untuk mencapai SKT yang telah kita tetapkan pada awal tahun. Meskipun

pada tahun ini, kita melalui fasa-fasa PKP dan memerlukan untuk bekerja dari rumah, jangan sesekali ianya dijadikan satu alasan sebaliknya sentiasalah fokus agar SKT yang ditetapkan dapat dilaksanakan.

### **AKTIVITI PEMANTAUAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

18. Saya juga ingin berkongsi mengenai statistik pemantauan SOP PKP secara berkala bermula 1 Jun sehingga 25 Jun 2021. Untuk makluman. Sebanyak 1,289 premis dan 779 penjaja telah dilawat dan sebanyak 526 premis telah diperiksa. Sepanjang 25 hari aktiviti pemantauan dijalankan, sebanyak 62 notis telah dikeluarkan, 55 kompaun telah diberikan dan 34 premis telah diarahkan untuk ditutup. Sebanyak 219 amaran lisan juga telah diberikan kepada para peniaga untuk mematuhi SOP PKP yang telah digariskan. Untuk makluman semua, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan ini telah kita jalankan di semua pasar-pasar awam, kilang-kilang perindustrian, bengkel kenderaan, kawasan-kawasan awam, premis perniagaan, penjaja dan badan pengurusan bersama JMB/MC di seluruh pentadbiran perbandaran Selayang.
19. Walaubagaimanapun, MPS dari masa ke semasa akan terus membuat pemantauan dan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan rantai



pendemik Covid-19 ini dapat diputuskan di kawasan pentadbiran perbandaran Selayang.

### **TERUS PATUH SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0**

20. Memandangkan kita masih lagi dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, ingin saya ingatkan kepada semua untuk tidak meninggalkan kediaman masing-masing kecuali sekiranya mempunyai urusan yang penting sahaja untuk dilakukan. ***Stay home stay safe..*** Selain itu, kita juga hendaklah sentiasa mengamalkan disiplin sendiri yang tinggi, elakkan tempat yang sesak, jaga penjarakan fizikal, bersihkan tangan pada setiap masa, mengamalkan kebersihan sendiri yang baik dan digalakkan untuk memakai pelitup muka (triple face mask) bagi mengurangkan risiko kepada pendedahan virus.

21. Saya berharap kita semua dapat menyokong usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan memerangi wabak Covid-19 ini dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh